



PELAN STRATEGIK 2021 - 2025

**EDISI SEMAKAN SEMULA:
12 OGOS 2022**

KANDUNGAN PELAN STRATEGIK



**BAB
1**

PERUTUSAN KETUA PENGARAH	4
---------------------------------	----------

PENDAHULUAN	5
--------------------	----------

Ringkasan Eksekutif	6-7
Latar Belakang	8-9
Carta Organisasi	10
Peranan Jabatan	11
Punca Kuasa	12

**BAB
2**

SENARIO PERSEKITARAN	13
-----------------------------	-----------

<i>Stakeholders</i> dan Pelanggan	14-15
Rakan Strategik	16-17
Cabaran dan Isu-isu Semasa	18-19

**BAB
3**

HALA TUJU STRATEGIK	21
----------------------------	-----------

Visi, Misi dan Moto.....	22
Nilai-nilai Bersama	23

**BAB
4**

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN	25
--	-----------

Teras Strategik	26
-----------------------	----

**BAB
5**

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN	27
--------------------------------------	-----------

Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian	28
Strategi Komunikasi	29
Elemen Penentu Kejayaan	30
Perantaraan ke Hadapan	31

**BAB
6**

PENUTUP	33
----------------	-----------

PERUTUSAN KETUA PENGARAH



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Syukur Alhamdulillah, Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 telah sedia untuk dilaksanakan. Pelan Strategik ini adalah dokumen penting yang menentukan strategi, hala tuju dan pengurusan sumber Jabatan secara komprehensif dan inklusif dalam tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2021 sehingga 2025. Oleh yang demikian, semua warga MET Malaysia hendaklah mematuhi, menghayati dan melaksanakan pelan strategik ini dengan jayanya.

Pencapaian bagi setiap program yang dicadangkan dalam pelan strategik ini akan dipantau setiap tahun. Pemantauan ini adalah sangat penting bagi memastikan peranan dan fungsi MET Malaysia sebagai peneraju dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik akan tercapai. Saya percaya seluruh warga MET Malaysia mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk terus menjadikan Jabatan sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea yang bernas untuk menghasilkan dokumen semakan semula Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Helmi'.

MUHAMMAD HELMI BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah MET Malaysia

An abstract graphic on the left side of the page, consisting of a network of interconnected nodes and lines. The nodes are represented by small dark blue circles, and the lines are thin, light blue lines connecting these nodes in a complex, web-like pattern. The graphic is more dense on the left and tapers off towards the right.

BAB 1


PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memacu perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang cekap dan berkesan, Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 diwujudkan untuk memperkukuh kemudahan dan penyampaian perkhidmatan di samping melahirkan modal insan yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni selaras dengan tugas dan amanah yang perlu dilaksanakan oleh warga MET Malaysia. Pelan Strategik MET Malaysia ini dibangun selari dengan perancangan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Jabatan yang merupakan rujukan utama dalam pelaksanaan program pembangunan untuk tahun 2021 hingga 2025 bagi memenuhi keperluan ekonomi dan kesejahteraan rakyat serta negara.

Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 merupakan kesinambungan daripada dua Pelan Strategik MET Malaysia sebelum ini, iaitu Pelan Strategik 2016-2020 dan Pelan Strategik 2011-2015. Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 ini telah disemak semula pada tahun 2022 supaya selaras dengan perubahan persekitaran dan hala tuju semasa. Pelan Strategik yang dihasilkan ini mengandungi Visi, Misi, Nilai Bersama, Teras Strategik dan Pelan Tindakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan strategik MET Malaysia bagi tempoh lima tahun. Pelan Strategik ini juga merupakan fasa terkini dalam merealisasikan visi dan misi MET Malaysia, iaitu "Menjadi agensi peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik" dan "Membekal perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang cekap dan berkesan untuk kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan lestari selaras dengan keperluan negara dan antarabangsa".

Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 menetapkan lima teras strategik untuk dilaksanakan dengan jayanya iaitu:





Setiap program di dalam lima teras strategik ini turut dinyatakan bersama indikator sasaran, sasaran dan bahagian yang bertanggungjawab bagi memastikan perancangan MET Malaysia dilaksanakan secara teratur dan sistematik serta memudahkan pemantauan dari semasa ke semasa.

LATAR BELAKANG

1820

Pencerapan Meteorologi bagi pengukuran hujan bermula di Singapura

1879

Stesen Kuala Lumpur ditubuhkan

1883

Pencerapan tekanan udara, suhu dan hujan telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan di Pulau Pinang dan Melaka bagi mencari hubungkait cuaca dan wabak penyakit

1927

Tanggungjawab ke atas pencerapan meteorologi dipindahkan ke Jabatan Ukur dan cawangan Meteorologi dikenali sebagai Unit Malayan dengan Ibu Pejabat di Singapura

1931

Ramalan untuk penerbangan telah dijalankan dan Ibu Pejabat Pan Malayan Meteorologi ditubuhkan di Singapura

1935

Pejabat di Kuala Lumpur di bawah Jabatan Ukur ditutup pada 18 Januari dan berpindah ke Singapura

1946

Pada Julai 1938, Cawangan Perkhidmatan Kajicuaca Malaya tidak lagi menjadi salah satu cawangan di bawah Jabatan Ukur.

Pada 1 September 1946, Perkhidmatan Kajicuaca Malaya ditubuhkan dengan Ibu Pejabat di Singapura

1958

Pejabat Perkhidmatan Kajicuaca Malaya diwujudkan di Lapangan Terbang Simpang (Kuala Lumpur) dan telah menyertai Pertubuhan Kajicuaca Sedunia pada 19 Mei

1963

Ibu Pejabat Perkhidmatan Kajicuaca Malaya berpindah ke Kuala Lumpur pada 9 Ogos dan menjadi salah sebuah agensi kerajaan Malaysia

1965

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia ditubuhkan pada 9 Ogos dan diletakkan di Kementerian Pengangkutan susulan daripada pemisahan Singapura dari Malaysia

1967

Nama Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia diterima pakai secara rasminya pada 1 September

1968

Bangunan Ibu Pejabat Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia di Petaling Jaya telah siap dibina pada 1 April dan dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, Tan Sri Sardon bin Haji Jubir pada 26 Oktober

1969

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia mengambil alih perkhidmatan meteorologi bagi Sabah dan Sarawak daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia pada 1 Julai

1984

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia telah dipindahkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE)

1994

Logo baharu Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia telah dilancarkan pada 18 November

1998

Pejabat Meteorologi KLIA mula beroperasi

2003

Bangunan Utama Ibu Pejabat Kajicuaca Petaling Jaya dirasmikan pada 6 Oktober.

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri (Sektor Awam) pada 18 Disember

2004

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia dikekalkan di bawah MOSTE dengan nama baharu semasa penstrukturan Kementerian ditukar kepada MOSTI pada 27 Mac

2006

Nama Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia ditukar kepada Jabatan Meteorologi Malaysia pada 28 September

2009

Logo baharu Jabatan Meteorologi Malaysia telah dilancarkan pada 23 Mac

2013

Penstrukturan semula Jabatan Meteorologi Malaysia

2017

Penjumudan skim Pembantu Meteorologi dan dinaiktaraf ke skim Penolong Pegawai Meteorologi selaras dengan keperluan *World Meteorological Organization* (WMO) pada 6 Julai

2018

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dikekalkan di bawah MOSTI dengan nama baharu Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

2020

MET Malaysia telah dipindahkan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) berkuatkuasa pada 9 Mac

PERANAN

Membekalkan maklumat dan ramalan cuaca bertepatan masa untuk penerbangan awam, tentera dan aktiviti marin.

01

Mengeluarkan amaran cuaca buruk, laut bergelora dan tsunami kepada orang awam, media dan agensi pengurusan bencana.

03

Memastikan pangkalan data nasional untuk iklim, seismologi, tsunami dan komposisi atmosfera Negara adalah berkualiti.

05

Menjalankan operasi pembenihan awan bagi membantu menangani isu jerebu dan meningkatkan sumber air bagi kegunaan domestik dan pertanian.

07

Menerbitkan laporan dan buletin meteorologi, iklim dan geofizik.

09

Mempromosikan kesedaran awam mengenai cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.

11

Menjalin kerjasama dan menyertai program serantau dan antarabangsa dalam penyelidikan dan pertukaran maklumat meteorologi, iklim dan geofizik.

13

Membekalkan maklumat gempa bumi dan tsunami bertepatan masa untuk agensi pengurusan bencana, orang awam dan media.

02

Menyediakan khidmat nasihat dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik kepada industri pembinaan dan perundangan.

04

Memantau komposisi atmosfera Negara dan menyediakan maklumat serta nasihat teknikal dalam aspek meteorologi pencemaran udara.

06

Memastikan rangkaian stesen pencerapan yang berteknologi terkini bagi membantu pemantauan keadaan cuaca dan iklim, aktiviti seismik dan tsunami Negara.

08

Menyediakan latihan dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik.

10

Menggalakkan kemajuan bidang sains meteorologi, iklim dan geofizik melalui penyelidikan.

12

PUNCA KUASA

Punca kuasa MET Malaysia bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

Perintah Menteri-Menteri
Kerajaan Persekutuan
(No.2)(Pindaan) 2017

Perintah Menteri-Menteri
Kerajaan Persekutuan
(No.3) 2020

 24 November 2017 24 November 2017 P.U. (A) 358	WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZZETE
PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO.2) (PINDAAN) 2017 MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO.2) (AMENDMENT) ORDER 2017	
DISIARKAN OLEH/ PUBLISHED BY JABATAN PEGUAM NEGARA ATTORNEY GENERAL'S CHAMEERS	

Copyright of the Attorney General's of Chambers of Malaysia

 9 Julai 2020 9 July 2020 P.U. (A) 201	WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZZETE
PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO.3) 2020 MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO.3) ORDER 2020	
DISIARKAN OLEH/ PUBLISHED BY JABATAN PEGUAM NEGARA ATTORNEY GENERAL'S CHAMEERS	

Copyright of the Attorney General's of Chambers of Malaysia



BAB 2 SENARIO PERSEKITARAN

STAKEHOLDERS

DALAMAN

Menteri

Timbalan Menteri

Ketua Setiausaha
Kementerian

Jabatan Alam Sekitar
(JAS)

Jabatan Pengairan
dan Saliran
(JPS)

LUARAN

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Kementerian Luar Negeri (KLN)

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Kerajaan Negeri dan Tempatan

Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Institut Pengajian Tinggi

World Meteorological Organization (WMO)

ESCAP/WMO Typhoon Committee

International Civil Aviation Organization (ICAO)

ASEAN Sub-Committee on Meteorology and Geophysics (SCMG)

*UNESCO-Intergovernmental Coordination Group for the Indian Ocean
Tsunami Warning and Mitigation System (ICG/IOTWMS)*

*UNESCO-Intergovernmental Coordination Group for the Pacific Tsunami
Warning and Mitigation System (ICG/PTWMS)*

Asia-Pacific Network for Global Change Research (APN)

APEC Climate Centre (APCC)

Acid Deposition Monitoring Network in East Asia (EANET)

PELANGGAN

DALAMAN

Jabatan Alam Sekitar
(JAS)

Jabatan Pengairan
dan Saliran
(JPS)

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
(SPAN)

LUARAN

Agensi Pengurusan
Bencana Negara
(NADMA)

Pihak Berkuasa
Penerbangan Awam
Malaysia (CAAM)

Komuniti Saintifik

Lembaga Kemajuan
Ikan Malaysia
(LKIM)

Angkatan Tentera
Malaysia
(ATM)

Operator Feri

Orang Awam

Pengurusan Empangan

Organisasi Antarabangsa
(ICAO, WMO, IOC, ASEAN
SCMG, AEIC, USGS, ISC)

Agensi Angkasa
Malaysia
(MYSA)

Akademi Sains Malaysia
(ASM)

Jabatan
Standard Malaysia
(JSM)

Jabatan
Tenaga Atom
(Atom Malaysia)

Tenaga
Nasional Berhad
(TNB)


Jabatan Kerja Raya
(JKR)


SIRIM Berhad

Media Massa

Industri dalam sektor
tenaga, perkapalan,
pembuatan, pengeluaran
gas, minyak dan
petrokimia, pembinaan,
perladangan dan
pertanian, perubatan dan
pemeliharaan alam sekitar

RAKAN STRATEGIK





CABARAN DAN ISU-ISU SEMASA

1. SISTEM CUACA DI TROPIKA

Malaysia merupakan sebuah negara yang terletak di kawasan tropika. Justeru, keadaan cuaca di Malaysia adalah dipengaruhi oleh sistem berskala kecil, seperti ribut petir dengan saiz diameter antara 1 hingga 10 km serta tempoh hayat pendek sekitar 1 hingga 3 jam sahaja. Sistem cuaca sebegini sangat sukar untuk diramalkan dengan tepat dari segi lokasi dan masa.

Di kawasan beriklim sederhana, keadaan cuacanya adalah dipengaruhi oleh sistem berskala besar, seperti perenggan panas (*warm front*), perenggan sejuk (*cold front*) dan siklon ekstra tropika dengan saiz melebihi 200 km dan tempoh hayat melebihi 7 hari. Sistem cuaca ini adalah lebih mudah dipantau dan diramalkan berbanding kawasan tropika. Kajian sains meteorologi untuk kawasan tropika juga kurang dijalankan berbanding kawasan beriklim sederhana.

Model ramalan cuaca dan iklim merupakan model berangka yang kompleks. Ia melibatkan kos yang mahal untuk dioperasikan menggunakan sistem komputer berprestasi tinggi (HPC). Bagi memperolehi produk-produk ramalan yang berkualiti, keupayaannya perlu ditingkatkan secara berterusan dengan tenaga pakar yang terhad di MET Malaysia.

2. MODEL RAMALAN CUACA DAN IKLIM

3. PERUBAHAN DAN KERAGAMAN IKLIM

Perubahan dan keragaman iklim global boleh menyebabkan berlakunya kejadian cuaca ekstrem yang bukan hanya memberi impak kepada persekitaran malahan menjejaskan sosioekonomi Negara.

Operasi pembenihan awan (OPA) dilaksanakan oleh MET Malaysia bagi membantu menggalakkan penghasilan hujan. OPA merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk membantu mengatasi masalah jerebu dan kekurangan air di kawasan pertanian dan empangan sumber air Negara. Kos menjalankan OPA adalah tinggi dan MET Malaysia perlu mengenal pasti kaedah alternatif yang lebih kos efektif/ murah dan berkesan.

4. OPERASI PEMBENIHAN AWAN

5. KESEDARAN AWAM

Kejadian bencana disebabkan oleh cuaca, iklim, gempa bumi dan tsunami memberi kesan buruk kepada kesejahteraan Negara. Penularan maklumat cuaca, iklim dan geofizik yang tidak sahih melalui penggunaan media sosial juga boleh menyebabkan keadaan panik di kalangan orang awam. Justeru, pendekatan yang diambil bagi membantu mengatasi kesan ini adalah dengan meningkatkan kesedaran orang awam dan *stakeholders* berkaitan cuaca, iklim, gempa bumi dan tsunami di Negara.

Seiring dengan perkembangan teknologi, MET Malaysia perlu memastikan peralatan dan rangkaian cuaca dan geofizik mematuhi keperluan dan piawaian yang ditetapkan oleh WMO, ICAO, ICG/IOTWMS dan ICG/PTWMS agar Negara kekal relevan dalam membekalkan perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik di peringkat serantau dan global.

6. PERKEMBANGAN TEKNOLOGI DAN PIAWAIAN ANTARABANGSA

7. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Memantapkan keupayaan para pegawai serta melahirkan *Subject Matter Expert* (SME) agar perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang dibekalkan lebih cekap dan berkesan.



An abstract graphic on the left side of the page, consisting of a complex network of thin, light purple lines connecting numerous small, solid purple circular nodes. The nodes are distributed across the left half of the page, with some clusters and some isolated points, creating a web-like structure that suggests connectivity and a network.

BAB 3

HALA TUJU

STRATEGIK

Menjadi agensi peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik

VISI

MISI

Membekal perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang cekap dan berkesan untuk kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan lestari selaras dengan keperluan negara dan antarabangsa

MOTO

Rakan Cuaca
Dan Gempa Anda

NILAI-NILAI BERSAMA

MET Malaysia menggariskan nilai murni, kualiti peribadi, etika kerja dan tatakelakuan yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua warga MET Malaysia seperti berikut:





An abstract network diagram composed of numerous purple circular nodes connected by thin, light purple lines. The nodes are distributed across the page, with a higher density on the left side, creating a complex web-like structure that suggests connectivity and relationships.

BAB 4

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK

TERAS 1

PENINGKATAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN CUACA BAGI MENGURANGKAN RISIKO BENCANA

TERAS 2

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN METEOROLOGI PENERBANGAN NEGARA UNTUK KESELAMATAN DAN KESELESAAN OPERASI PENERBANGAN

TERAS 3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN GEMPA BUMI DAN TSUNAMI BAGI MENGURANGKAN RISIKO BENCANA GEMPA BUMI DAN TSUNAMI

TERAS 4

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN IKLIM BAGI KEMAKMURAN NEGARA

TERAS 5

PENGUKUHAN KAPASITI DAN TADBIR URUS ORGANISASI

An abstract network diagram composed of numerous purple circular nodes of varying sizes, interconnected by thin, light purple lines. The nodes are distributed across the page, with a higher density on the left side, creating a complex web-like structure that suggests connectivity and flow.

BAB 5 IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



STRATEGI KOMUNIKASI

1

E-mel hebahan kepada semua warga MET Malaysia:
12 Kali Setahun

Hebahan di Perhimpunan Bulanan:
1 Kali Setahun

2

3

WhatsApp hebahan kepada kumpulan Pegawai Pengurusan dan Profesional MET Malaysia:
4 Kali Setahun

Paparan TV Dashboard:
12 Kali Setahun

4

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

1 KOMITMEN WARGA MET Malaysia

Komitmen warga MET Malaysia merupakan penentu utama kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik MET Malaysia. Keterlibatan dan sokongan padu seluruh warga MET Malaysia amat diperlukan bagi menjayakan strategi-strategi yang telah ditetapkan.

2 MODAL INSAN YANG KOMPETEN

Pegawai dan staf yang kompeten adalah faktor penentu Pelan Strategik MET Malaysia ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Justeru, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai. Pendekatan mentor-mentee, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya turut diadaptasi bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan staf MET Malaysia.

3 PENERIMAAN DAN SOKONGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DAN RAKAN STRATEGIK

Sokongan pihak berkepentingan dan rakan strategik diperlukan untuk mencapai matlamat yang telah disasarkan oleh MET Malaysia.

4 PENGUPAYAAN DAN PEMERKASAAN ICT

Pengupayaan dan pemerksaan ICT adalah diperlukan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan kerja.

5 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN YANG BERKESAN

Kejayaan pelan strategik MET Malaysia bergantung kepada cara pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan. Pemantauan perlu diadakan secara berkala dan penambahbaikan dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya setiap strategi berada di landasan yang betul.

PERANTAIAN KE HADAPAN

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN METEOROLOGI DAN GEOFIZIK BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA

Pemeriksaan peranan MET Malaysia adalah suatu agenda yang berterusan. Selaras dengan keperluan rakyat dan negara dalam usaha menangani bencana cuaca, iklim dan gempa bumi, MET Malaysia komited untuk melonjak ke tahap berikut:

01

Menjadi agensi peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik.

02

Menyediakan perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang melangkaui ekspektasi pelanggan dan pihak berkepentingan.

03

Merealisasikan strategi-strategi dalam RMKe-12 yang dilaksanakan dengan keterlibatan MET Malaysia.


04

Menyediakan perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang menjadi penanda aras dan rujukan di peringkat antarabangsa.

05

Peningkatan sumber manusia yang kompeten dan berpengetahuan.



An abstract graphic on the left side of the page, consisting of a network of interconnected nodes and lines. The nodes are represented by small dark blue circles, and the lines are thin, light blue lines. The network is dense and complex, with many lines crossing each other, creating a web-like structure. The overall shape of the network is roughly triangular, with the base at the bottom and the top point towards the upper left.

BAB 6

PENUTUP



Perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan amat diperlukan bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan lestari di negara. Demikian juga, ia diperlukan untuk memenuhi ekspektasi rakyat dan pihak berkepentingan serta menjaga imej dan kepentingan negara di peringkat antarabangsa.

Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025 telah menggariskan strategi-strategi bagi memenuhi keperluan ini. Usaha merealisasikan strategi-strategi ini akan menumpukan kepada penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. MET Malaysia akan menjadikan Pelan Strategik ini sebagai rangka kerja untuk memantau hala tuju Jabatan dan meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan bagi memenuhi tanggungjawab kepada rakyat dan negara.

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABT	: <i>Aviation Briefing Terminal</i>
AEIC	: <i>ASEAN Earthquake Information Centre</i>
AFTN	: <i>Aeronautical Fixed Telecommunication Network</i>
AMHS	: <i>Air Traffic Services Message Handling System</i>
APCC	: <i>APEC Climate Centre</i>
APEC	: <i>Asia-Pacific Economic Cooperation</i>
APN	: <i>Asia-Pacific Network for Global Change Research</i>
ASM	: Akademi Sains Malaysia
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
Atom Malaysia	: Jabatan Tenaga Atom
AWOS	: <i>Automated Weather Observing System</i>
AWS	: <i>Automatic Weather Station</i>
BPPT	: Bahagian Penyelidikan & Pembangunan Teknikal
BIM	: Bahagian Instrumentasi Meteorologi
BKM	: Bahagian Komunikasi Meteorologi
BKP	: Bahagian Khidmat Pengurusan
BLT	: Bahagian Latihan Teknikal
BPSA	: Bahagian Perancangan Strategik & Antarabangsa
BRSM	: Bahagian Radar & Satelit Meteorologi
BSAPA	: Bahagian Sains Atmosfera & Pembenihan Awan
BTCG	: Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik
CAAM	: Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
CEPA	: <i>Communication, Education and Public Awareness</i>
CMSS	: <i>Computer Message Switching System</i>
DRC	: <i>Disaster Recovery Center</i>
EANET	: <i>Acid Deposition Monitoring Network in East Asia</i>
EFM	: <i>Electric Field Mill</i>
EPU	: Unit Perancang Ekonomi
ESCAP	: <i>Economic and Social Commission for Asia and the Pacific</i>
FDRS	: <i>Fire Danger Rating System</i>

AKRONIM DAN SINGKATAN

HPC	: <i>High Performance Computing</i>
ICAO	: <i>International Civil Aviation Organization</i>
ICT	: <i>Information and Communications Technology</i>
ICG	: <i>Intergovernmental Coordination Group</i>
PTWMS	: <i>Pacific Tsunami Warning and Mitigation System</i>
IOTWMS	: <i>Indian Ocean Tsunami Warning and Mitigation System</i>
IOC	: <i>Intergovernmental Oceanographic Commission</i>
IPT	: Institut Pengajian Tinggi
ISC	: <i>International Seismological Centre</i>
JAS	: Jabatan Alam Sekitar
JKR	: Jabatan Kerja Raya
JPAM	: Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPS	: Jabatan Pengairan Dan Saliran
JSM	: Jabatan Standard Malaysia
KASA	: Kementerian Alam Sekitar dan Air
KDN	: Kementerian Dalam Negeri
KLIA	: <i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KLN	: Kementerian Luar Negeri
KPKT	: Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
LDS	: <i>Lightning Detection System</i>
LKIM	: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MDPS	: <i>Meteorological Data Processing System</i>
MESTECC	: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
MET Malaysia	: Jabatan Meteorologi Malaysia
MKN	: Majlis Keselamatan Negara
MIFS	: <i>Malaysian Integrated Forecasting System</i>
MINDEF	: Kementerian Pertahanan Malaysia
MOF	: Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTE	: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
MOSTI	: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

AKRONIM DAN SINGKATAN

MSTA	: <i>Meteorological Services for the Terminal Area</i>
MYSA	: Agensi Angkasa Malaysia
NADMA	: Agensi Pengurusan Bencana Negara
NGO	: <i>Non-Governmental Organization</i>
NWP	: <i>Numerical Weather Prediction</i>
OPA	: Operasi Pembenihan Awan
OPMET	: <i>Operational Meteorological</i>
PIMSA	: Pusat Instrumentasi Meteorologi dan Sains Atmosfera
PIN	: Pusat Iklim Nasional
PKM	: Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia
PKP	: Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan
PM	: Pejabat Meteorologi
PMPN	: Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional
POC	: <i>Proof of Concept</i>
POCGN	: Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional
RGB	: <i>Red Green Blue</i>
SAR	: <i>Search and Rescue</i>
SCMG	: <i>Sub-Committee on Meteorology and Geophysics</i>
SME	: <i>Subject Matter Expert</i>
SOP	: <i>Standard Operating Procedure</i>
SPSM	: Seksyen Pembangunan Sumber Manusia
TNB	: Tenaga Nasional Berhad
UAS	: <i>Unmanned Aerial System</i>
UKK	: Unit Komunikasi Korporat
UNESCO	: <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
USGS	: <i>United States Geological Survey</i>
VSAT	: <i>Very Small Aperture Terminal</i>
WMO	: <i>World Meteorological Organization</i>
WMS	: <i>Web Map Service</i>
WRVR	: <i>Wind Runway Visual Range</i>





Sekalung Penghargaan

Terima kasih kepada semua
Pusat/ Pejabat/ Bahagian/ Seksyen/ Unit di MET Malaysia
dalam penyediaan dokumen
Pelan Strategik MET Malaysia 2021-2025
(Edisi Semakan Semula: 12 Ogos 2022)



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

Jalan Sultan, 46667 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

TEL: 603 7967 8000

FAX: 603 7955 0964